

The Cina termahal

26 Februari 2018

14

setempat

26-02-2018

RM1.2 juta

>>Nilai jumlah
rampasan serbu

HARIAN METRO

Izlaily Nurul Ain Hussein
izlaily@hmetro.com.my

Johor Bahru

Sorok pelbagai jenis dadah menggunakan bungkusan teh Cina bagi mengaburi pihak berkuasa.

Itu taktik digunakan satu sindiket pengedaran dadah yang ditumpaskan polis menerusi operasi di sekitar daerah ini, Jumaat lalu.

Modus operandi sindiket itu dikesan menerusi serbuan yang dijalankan di Taman Mount Austin, Taman Johor Jaya dan Stulang Laut di sini, termasuk sebuah makmal mini antara jam 12 tengah hari hingga 3.30 petang.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd berkata, dalam serbuan itu polis menahan tujuh lelaki tempatan, lima lelaki warga Singapura serta masing-masing seorang wanita Thailand dan Singapura berusia antara 19 dan 65 tahun.

Beliau berkata, hasil serbuan itu polis turut merampas pelbagai jenis dadah yang dibungkus dengan bungku-

Teh Cina termahal

■ **Polis serbu makmal rampas 12.8 kilogram dadah pelbagai jenis**



MOHD Khalil menunjukkan hasil rampasan dalam operasi di sekitar Johor Bahru.

san teh Cina bernilai RM1.2 juta dan menyita lima kenderaan serta barang lain.

"Kita menahan 14 ahli sindiket dan merampas pelbagai

jenis dadah termasuk 12.8 kilogram (kg) dadah disyaki syabu, 4,333 pil Ecstasy, 200 Eramin 5 dan 0.95 kg dadah disyaki ketamin.

"Kita juga menyita lima kenderaan iaitu BMW, Toyota Altis, Kia Optima, Nissan X-trail dan Proton Wira selain merampas wang tunai

“Kejayaan menumpaskan sindiket ini adalah hasil kerjasama JSJN Kontinjen Johor dengan Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) Bukit Aman serta bantuan Pusat Biro Narkotik Singapura”

Mohd Khalil Kader Mohd

RM5,800, wang tunai dolar Singapura SGD8,000, empat jam tangan serta pelbagai jenis barang kemas,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor di sini, semalam.

Mohd Khalil berkata, siasatan awal mendapati sindiket itu aktif menjalankan kegiatan pengedaran dadah sejak awal tahun ini diperayai untuk pasaran tempa-

tan dan Singapura.

Katanya, hasil ujian saringan awal air kencing ke atas semua suspek itu mendapati enam daripada mereka positif dadah amphetamine dan methamphetamine manakala yang lain negatif.

Menurutnya, hasil semakan rekod juga mendapati lima daripada 14 suspek itu mempunyai rekod jenayah lampau berkaitan dadah dan jenayah.

“Kejayaan menumpaskan sindiket ini adalah hasil kerjasama Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Kontinjen Johor dengan Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING) Bukit Aman serta bantuan Pusat Biro Narkotik Singapura (CNB),” katanya.

Beliau berkata, suspek di reman tujuh hari sehingga 2 Mac depan untuk siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.